



MAKLUMAN PELAKSANAAN STANDARD KETERAMPILAN KEBANGSAAN (SKK) *CORE ABILITIES* KEPADA SEMUA PROGRAM STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

Ruj : JPK/702/1/10 (1) Jld 14
Tarikh : 07 September 2017

Salam Sejahtera dan Salam 1 Kemahiran,

Adalah dimaklumkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Bahagian NOSS telah mengkaji semula dan menambah baik Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) Kemahiran Teras (*Core Abilites*); **[Z-009]** kepada Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) Kemahiran Teras (*Core Abilites*); **[Z-009-1/2/3/4/5:2015]**. SKK berkenaan telah diperluaskan penggunaannya sehingga ke tahap 5 bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Persijilan Kemahiran Malaysia seterusnya melahirkan pekerja mahir yang berdaya saing di peringkat kebangsaan dan global.

SKK ini adalah merupakan dokumen yang menggariskan Kemahiran Generik yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir bagi semua bidang pekerjaan di Malaysia dan **hendaklah digunakan sebagai pelengkap** untuk menyokong Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) sedia ada.

Pelaksanaan SKK Kebolehan Teras (*NCS Core Abilities*) **[Z-009-1/2/3/4/5:2015]** adalah **wajib** bagi semua program persijilan SKM, DKM dan DLKM melalui Pusat Bertauliah **termasuk program-program SKPK yang pernah diberi pengecualian sebelum ini.**

Sehubungan itu, Pelaksanaan latihan dan penilaian SKK Kemahiran Teras (*NCS Core Abilities*) [**Z-009-1/2/3/4/5:2015**] di Pusat Bertauliah JPK berkuatkuasa pada **1 Julai 2017** meliputi semua kumpulan pelatih yang berdaftar **pada atau selepas tarikh kuatkuasa tersebut**. Walaubagaimanapun, tempoh peralihan terhadap pelatih sedia ada adalah seperti berikut:

- Pelatih yang didaftarkan sebelum 01 Julai 2017 hendaklah menggunakan Panduan Pelaksanaan SKK – *Core Abilities* 2007 sehingga selesai tahap yang telah didaftarkan.
- Pelatih hendaklah menggunakan Panduan SKK–*Core Abilities*(Z-009-1/2/3/4/5:2015) untuk tahap berikutnya

Pelaksanaan Pelatih Persijilan Tunggal (*Single-tier*)

- Pelatih persijilan tunggal yang didaftarkan sebelum 01 Julai 2017 hendaklah menggunakan Panduan Pelaksanaan SKK – *Core Abilities* 2007 sehingga selesai kumpulan Program Bertauliah yang telah didaftarkan.
- Pelatih persijilan tunggal yang didaftarkan pada atau selepas 01 Julai 2017 hendaklah menggunakan Panduan Pelaksanaan SKK – *Core Abilities* (Z-009-1/2/3/4/5: 2015)

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi"

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

